

## GLOSARI ISTILAH-ISTILAH ARAB

### Perkataan Arab

### Maksudnya

أَخَوَاتُ إِنْ

Kumpulan kata tugas yang menyebabkan subjek (mubtada')

dibaca dengan akusatif (mansūb) dan prediket (khabar)

dibaca dengan nominatif (marfū')

أَخَوَاتُ كَانَ

Kumpulan kata tugas yang menyebabkan subjek mubtada'

dibaca dengan nominatif (marfū') dan prediket dibaca dengan

akusatif (mansūb)

أَسْبَابُ الْقَوْلِ

Ilmu yang membincangkan tentang sebab-sebab turunnya

ayat al-Quran.

الِاسْتِعَارَةُ

Penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut

pengertian asal kerana ada hubungan persamaan serta

petanda yang menghalang daripada menggunakan

pengertian asal.

إِسْمُ الْفَاعِلِ

Kata nama yang menunjukkan pelaku sesuatu perbuatan

mengikut pola-pola tertentu seperti طَالِبٌ

إِسْمُ كَانَ

Kata nama yang pada asalnya subjek disebut selepas kana

seperti كَانَ مُحَمَّدٌ تَلْمِيزًا

اسم الموصول

Kata nama khas penyambung yang memerlukan keterangan selepasnya, seperti مَنْ , مَا , الَّذِي

الإطناب

Gaya bahasa yang susunan perkataannya lebih banyak daripada makna kerana tujuan tertentu seperti menyebut yang khusus selepas yang umum.

الإعراب

Perubahan keadaan pada akhir perkataan disebabkan oleh faktor tertentu.

العهديّة

Alif lam yang menunjukkan makna tertentu atau termaklum.

إيجاز

Gaya bahasa yang mengandungi pengertian yang luas dengan perkataan yang ringkas, padat dan jelas.

إيجاز الحذف

Gaya bahasa yang menggunakan ungkapan ringkas tetapi mengandungi pengertian luas dengan menggugurkan perkataan atau ayat serta mempunyai petanda menunjukkan perkara yang digugurkan.

إيجاز القصر

Gaya bahasa yang menggunakan ungkapan ringkas tetapi mengandungi pengertian yang luas tanpa menggugurkan sebarang perkataan.

التشبيه

Perbandingan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan menggunakan partikel atau perkataan tertentu.

التوكيد

Kata susulan bagi tujuan pengukuhan kepada kata yang disusuli

الجملة

Himpunan beberapa perkataan yang merupakan satu unit pengucapan dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap

الخبر الابتدائي

Berita yang diterima tanpa keraguan

الخبر الإنكاري

Berita yang ditolak oleh penerimanya dan memerlukan beberapa partikel pengukuhan

الخبر الطلبي

Berita yang diragui oleh penerimanya dan memerlukan pengukuhan

الذوق

Kebolehan seseorang menghayati nilai estetika pada sesuatu objek dalam penghasilan karya seni

علم البيان

Ilmu yang membincangkan makna dan peraturan yang menjelaskan sesuatu idea melalui pelbagai cara

علم البديع

Ilmu yang membincangkan cara memperindahkan ungkapan dengan mengambil kira situasi dan kejelasan makna

عِلْمُ الْمَعَانِي

Ilmu yang membicarakan kedudukan ungkapan yang selaras dengan situasi tertentu.

عُلُومُ الْقُرْآنِ

Suatu ilmu yang membicarakan tentang cabang-cabang ilmu yang terdapat di dalam al-Quran.

الْفَاعِلُ

Kata nama marfu' yang terletak selepas kata kerja aktif atau yang seumpamanya

كَمَالُ الْإِنْقِطَاعِ

Perbezaan dua ayat dari segi khabariy dan Insha'iy atau ketiadaan kesesuaian makna Penyatuan yang sempurna antara dua ayat sehingga kedua-duanya kelihatan setaraf

كَمَالُ الْإِنْتِصَالِ

Penyatuan yang sempurna antara dua ayat sehingga kedua-duanya kelihatan setaraf

مَوْءُودُ الْمَسْنَدِ

Sesuatu yang disandarkan kepada yang lain

الْمَسْنَدُ إِلَيْهِ

Sesuatu yang menjadi sandaran

الْمَفْعُولُ بِهِ

Objek yang menjadi sasaran kata kerja transitif

مُنَاسَبَةُ الْآيَاتِ

Konteks perbincangan ayat yang mempunyai kaitan dengan sesuatu perkara.

نَائِبُ الْفَاعِلِ

Kata nama marfū' yang terletak selepas kata kerja pasif atau seumpamanya

النحو

Ilmu tentang pembentukan kata dan pembinaan ayat

(Penyusunan kata-kata dalam ayat)